

Sejarah *Fodder* *Solutions*

TEKNIK *fodder solutions* diperkenalkan di Australia yang diterajui oleh dua sahabat, Terry Coles dan Flavio Raccanello.

Mereka telah mencipta sistem penanaman *sprout barli* secara terkawal yang menghasilkan makanan hijau berkualiti tinggi untuk ternakan.

Pada tahun 2006, Sistem Fodder Solutions telah memenangi *Queensland Farm Invention of the Year* dan pada 2009 bermula dari kilang pengeluarannya di Toowoomba, Queensland, ia telah berkembang ke peringkat antarabangsa bagi memenuhi keperluan penternak hobi ke industri penternakan berskala besar.

Sistem berkenaan sesuai kepada negara yang kerap dilanda kemarau, banjir, sejuk melampau ataupun gurun tandus, kerana ia masih mampu mengeluarkan makanan ternakan berkualiti tinggi pada kadar optimum serta kos yang efektif.

Dalam bilik yang terkawal, pelbagai jenis bijirin dan kekacang diletakkan di atas bekas semaian yang direka khusus untuk proses penyemaian tanpa sebarang campuran media.

Benih bijirin atau kekacang akan disiram dengan kuantiti air yang telah ditetapkan dan ia akan dikawal secara automatik.

Suhu juga telah ditetapkan pada tahap yang membolehkan tanaman tersebut tumbuh pada kadar yang dikehendaki sekali gus memberikan nilai zat pemakanan yang terbaik.

Selain itu, pencahayaan yang betul juga membantu proses fotosintesis berlaku dengan lebih efisien.

Bagi memudahkan proses penanaman semula, bekas semaian yang telah di gunakan hanya perlu dicuci dengan detergen dan air.

Proses tanam dan tuai mengambil masa selama enam hari dan sistem tersebut membolehkan 'sprout' barli mampu dituai secara berterusan serta kuantiti pengeluaran bergantung kepada saiz sistem yang digunakan.